



KUCHING, MUKAH BANJIR

Jangan panik!

■ Paras air Sungai Sarawak masih di tahap selamat

PENDUDUK bersiap untuk menyelamatkan harta benda berikutan rumah panjang di Limbah dinaiki air.

Oleh Rabi 'Atul
'Adawiyah Ismail
rabiatul@hmetro.com.my
Kuching

Paras air di Sungai Sarawak di sini, setinggi 9.8 meter masih dianggap berada di tahap selamat sehingga jam 4 petang, semalam.

Ketua Menteri Tan Sri Adenan Satem berkata, pin-

tu baraj hanya dibuka ketika paras air laut rendah berbanding Sungai Sarawak bagi mengelak banjir kilat di bandar ini.

Katanya, situasi banjir di negeri ini masih terkawal dan belum mencapai tahap berbahaya dengan beberapa penduduk dipindahkan ke kawasan pemindahan sementara ditetapkan.

"Beberapa kawasan ren-

dah di bandar ini dilaporkan dinaiki air termasuk di Padawan dan Marudi, Miri.

"Persiapan menghadapi banjir sudah dilakukan sejak Disember lalu dan pasukan penyelamat sudah digerakkan ke kawasan dinaiki air serta memantau kawasan berisiko banjir.

"Orang ramai diminta bekerjasama dengan melapor-

kan mengenai situasi banjir di kawasan mereka untuk membolehkan tindakan segera diambil," katanya selepas meninjau baraj Sungai Sarawak di sini, semalam.

Dalam perkembangan berasingan, Adenan menyelar tindakan segelintir pihak menyebarkan gambar men-

dakwa lokasi terkenal di bandar raya ini seperti Mahkamah Lama dinaiki air.

Katanya, tindakan tidak bertanggungjawab itu hanya mewujudkan situasi panik.

"Saya menasihatkan penduduk di negeri ini tidak panik dan hanya mendapatkan maklumat sahih dari kerajaan negeri dan agensi keselamatan," katanya.